

Maybank Trade Global Campaign 2024 Terms & Conditions

Maybank Trade Global Campaign 2024 (“**Campaign**”) is a campaign organised by Malayan Banking Berhad (Company No.: 196001000142) (“**Maybank**”) and Maybank Investment Bank Berhad (Company No.: 1973010012412) (“**Maybank IB**”) [collectively referred to as “**the Bank**”] and shall be subject to the terms and conditions set out herein.

By participating in this Campaign, the Eligible Customers (as defined in Clause 2.1 below) hereby expressly agree to be bound by these terms and conditions below (“**Terms and Conditions**”) and any decision made by Maybank with respect to the Campaign shall be final and binding.

1. Campaign Period

The Campaign commences from 1 May 2024 until 31 July 2024 (both dates inclusive) (“**Campaign Period**”).

2. Eligibility

2.1. This Campaign is open to the following customers (with exception of Mid-Markets):-

- i. individual retail customers who open new trading accounts at Maybank branches or Maybank IB branches and perform online foreign trading within the Campaign Period; or
- ii. Maybank IB retail customers who already have existing trading accounts with Maybank IB and perform online foreign trading within the Campaign Period,

(i) and (ii) collectively referred to as “**Eligible Customers**”).

2.2. Eligible Customers who perform online foreign trading during the Campaign Period will be eligible for lucky draw entries based on mechanics stipulated in Clauses 3.2 and 3.3 below.

2.3. For the avoidance of doubt, the following categories of customers shall **NOT** be eligible to participate in this Campaign:

- a. corporate and institutional clients of the Bank;
- b. Mid-Markets customers;
- c. customers who are permanent or contract employees, Remisiers or its subsidiaries or its related companies (as defined in Section 7 of the Companies Act 2016) and their immediate family members (i.e. spouse, children, parents, brothers, sisters);
- d. customers whose account(s) with the Bank was or is suspended or terminated prior to or during the Campaign Period;
- e. customers who breach or have breached any agreement with the Bank prior to or during the Campaign Period; or
- f. customers who trade in offline foreign trading.

2.4. The Bank shall at all times have the sole discretion to determine the eligibility of the Eligible Customers for this Campaign.

3. Campaign Mechanics

3.1. All Eligible Customers shall automatically qualify for this Campaign and no prior registration is required.

3.2. For each RM100 accumulated online foreign gross brokerage contributed, Eligible Customer(s) are entitled for 1x lucky draw entry. The accumulated online foreign gross brokerage will be calculated at the end of the Campaign Period. The Eligible Customer(s) requires to contribute a minimum of RM200 i.e. 2x lucky draw entries to be entitled for lucky draw and no maximum entry. The Winner(s) will be selected via Randomiser authorized by Maybank. .

- 3.3. The prizes for lucky draw winner(s) (“Prizes”) are categorized based on the total online foreign gross brokerage accumulated within the Campaign Period, as indicated in the table below:

Category (Cat)	Accumulated Online Foreign Gross Brokerage*	Prize(s)	No. of Lucky Draw Winner(s)
Cat 1	RM200 - RM500	Shopping Voucher worth RM50	100
Cat 2	>RM500 - RM1,000	Shopping Voucher worth RM150	10
Cat 3	>RM1,000 - RM3,000	1x Foreign Stock	5
Cat 4	>RM3,000 - RM5,000	2x Foreign Stocks	3
Cat 5	>RM5,000	3x Foreign Stocks	1

**1x lucky draw entry for each RM100 online foreign gross brokerage accumulated, calculated at the end of the Campaign Period.*

- 3.4. Each lucky draw winner(s) (“Winner(s)”) will be contacted by email or by the Bank’s representatives within 60 days after the Campaign ends together with the details on the fulfilment of the Prizes won.
- 3.5. For Winner(s) from Cat 1 and Cat 2, an email with the voucher codes for redemption will be sent to their registered email addresses.
- 3.6. For Winner(s) from Cat 3, Cat 4 and Cat 5, the Bank’s dealer representatives will facilitate the foreign stocks purchase via the Winners’ trading accounts. Winner(s) will be contacted via email or by the Bank’s representative and the Winner(s) will be required to execute necessary documentation and authorisation in order to complete the stock purchase process.
- 3.7. The Prizes are subject to the following terms and conditions:
- i. All Prizes delivered and/or accepted entirely at risk of the recipient. The Bank, its affiliates and their respective officers, servants, employees, representatives and/or agents (including without limitation, any third party service providers engaged by the Bank for the purposes of this Campaign) (collectively, “Representatives”) accept no responsibility or liability in respect of any cost, expense, loss and/or damage whatsoever or howsoever incurred or suffered by the recipient in connection with or arising out of or caused by the delivery and/or acceptance of the Prizes (including but not limited to where the Eligible Customer(s) email is invalid).
 - ii. The Prizes are non-transferable or exchangeable for cash or credit of any kind, in whole or in part.
- 3.8 The Bank reserves the right, at any time with prior notice, to replace or substitute any of the Prizes with any other products and/or services of similar value. In case of such substitution or replacement, these Terms and Conditions shall apply to such substituted or replacement products and/or services.
- 4. General Terms and Conditions**
- 4.1 The Bank and its Representative shall, to the fullest extent permitted by law, not be responsible or held liable in respect of any direct, indirect, special or consequential losses, damages or costs (including but not limited to, loss of income, profits or goodwill) incurred or suffered by any Eligible Customers in any manner whatsoever as a result of their participation in this Campaign including but not limited to technical failures of any kind whatsoever, intervention, interruptions, and/or electronic or human errors in the administration and/or processing of the transaction performed via the Powerbroking2u or Maybank Trade App or any of Maybank’s authorized platforms.
- 4.2 The Bank reserves the right, without assigning any reasons thereto, to cancel, suspend, extend or terminate this Campaign earlier in whole or in part and reserves the right to modify, supplement, delete or amend any of the terms and conditions contained herein, from time to time by giving at least twenty one (21) days (“day” shall have the same meaning as calendar day) prior notice thereof, the notice of which shall be posted through Powerbroking2u website at

www.powerbroking2u.com.my or through any other channel determined appropriate by the Bank. It shall be the responsibility of the Eligible Customers to be informed of or otherwise seek out any such notice validly posted.

- 4.3 For the avoidance of doubt, the cancellation, suspension, extension, termination or amendment of this Campaign by the Bank shall not entitle the Eligible Customers or any other persons whatsoever to make any claim against, or request for compensation from the Bank for any losses or damages suffered or incurred as a direct or indirect result of the amendment, withdrawal, cancellation, suspension, extension or termination of this Campaign.
- 4.4 By participating in this Campaign, Eligible Customers agree to access the Powerbroking2u website at www.powerbroking2u.com.my on a regular basis to view the terms and conditions herein and seek clarification from the Bank should any of the Terms & Conditions be not fully understood.
- 4.5 By participating in this Campaign, each Eligible Customer agree to be bound by the Terms and Conditions herein and agree and consent to allow his/her personal data being collected, processed and used by the Bank in accordance with the Maybank Privacy Statement, which may be viewed on www.maybank2u.com.my (“Maybank’s Privacy Statement”) and the PDPA Form for Individual Customers.
- 4.6 In addition and without prejudice to the terms in the Maybank’s Privacy Statement and the PDPA Form for Individual Customers, by participating in this Campaign, each Eligible Customer agrees and consents to his/her personal data or information being collected, processed and used by the Bank for:
- a) the purposes of the Campaign; and
 - b) Marketing and Promotional Activities (as defined below) conducted in such manner as the Bank deems fit, including but not limited to any form of advertising or publicity, media and materials such as audio and/or visual recordings, whether published through newspapers, television networks, radio stations, digital media or on the internet or otherwise, without further express consent from any Eligible Customers. “Marketing and Promotional Activities” include without limitation the use and/or publication of any details provided in and/or in connection to the entries, interviews material as well responses and related photographs. In this regard, Eligible Customers agree to co-operate and participate without further express consent or payment or consideration, in all advertising and publicity activities of the Bank in relation to the Campaign. Each Eligible Customers agrees that the Bank has the right to publish, broadcast, televise, distribute, use or otherwise reproduce his/her post(s) on social media in relation to the Campaign without having the need to obtain his/her prior consent. Notwithstanding the foregoing, each Eligible Customer hereby expressly permit the Bank to publish and/or use his/her photograph and/or image(s) for Marketing and Promotional Activities, if so required.

*Note: “PDPA” refers to Personal Data Protection Act (2010).

- 4.7 The Bank shall not be liable for any default of its obligation under this Campaign due to any force majeure events which include but not limited to acts of God, civil commotion, acts of war, strike, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, epidemic and pandemic or any events and circumstances of whatever nature beyond the reasonable control of the Bank.
- 4.8 The Bank may at its sole discretion disqualify/reject any Eligible Customer who does not comply with the terms and conditions stated herein and/or are found or suspected to be tampering with the Campaign and/or its process or the operations of this Campaign. Tampering shall include fraudulent activities involving any act of deceit and/or deception and/or cheating with regards to the Campaign and/or the Bank’s social media platforms.
- 4.9 These Terms and Conditions shall be governed by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

For information, enquiries, feedback and/or complaints related to this Campaign, please contact Maybank IB Equities Helpdesk at 1 300 22 3888 or alternatively, Eligible Customers may choose to e-mail Maybank IB Equities Helpdesk at equities.helpdesk@maybank-ib.com.

Kempen Perdagangan Global Maybank 2024 Terma & Syarat

Kempen Perdagangan Global Maybank 2024 (“**Kempen**”) adalah kempen yang dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Syarikat: 196001000142) (“**Maybank**”) dan Maybank Investment Bank Berhad (No. Syarikat: 1973010012412) (“**Maybank IB**”) [secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”] dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini.

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Fasal 2.1 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di bawah (“**Terma dan Syarat**”) dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

1. Tempoh Kempen

Kempen ini bermula dari 1 Mei 2024 hingga 31 Julai 2024 (termasuk kedua-dua tarikh) (“**Tempoh Kempen**”).

2. Kelayakan

2.1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan yang berikut (kecuali Pasaran Pertengahan):-

- i. pelanggan runcit individu yang membuka akaun perdagangan baharu di cawangan Maybank atau cawangan Maybank IB dan menjalankan perdagangan asing dalam talian dalam Tempoh Kempen; atau
- ii. pelanggan runcit Maybank IB yang mempunyai akaun perdagangan sedia ada dengan Maybank IB dan menjalankan perdagangan asing dalam talian dalam Tempoh Kempen,

(i) dan (ii) secara kolektif dirujuk sebagai “**Pelanggan Layak**”).

2.2. Pelanggan Layak yang menjalankan perdagangan asing dalam talian sepanjang Tempoh Kempen akan layak mendapat penyertaan untuk cabutan bertuah berdasarkan mekanisme yang dinyatakan dalam Fasal 3.2 dan 3.3 di bawah.

2.3. Bagi mengelakkan keraguan, kategori pelanggan yang berikut **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:

- a. pelanggan korporat dan institusi yang berurusan dengan Bank;
- b. pelanggan dalam Pasaran Pertengahan;
- c. pelanggan yang merupakan pekerja tetap atau pekerja kontrak, Remisier atau anak syarikatnya atau syarikat yang berkaitan dengannya (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016) dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami/isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik);
- d. pelanggan yang akaun mereka dengan Bank telah digantung atau ditamatkan atau akaun yang ditamatkan sebelum atau semasa Tempoh Kempen berlangsung;
- e. pelanggan yang melanggar atau telah melanggar apa-apa perjanjian dengan Bank sebelum atau semasa Tempoh Kempen; atau
- f. pelanggan yang menjalankan perdagangan asing secara luar talian.

2.4. Bank hendaklah pada setiap masa mempunyai budi bicara tunggal bagi menentukan kelayakan Pelanggan Layak untuk Kempen ini.

3. Mekanisme Kempen

3.1. Semua Pelanggan Layak akan berhak menyertai Kempen ini secara automatik dan pendaftaran awal tidak diperlukan.

- 3.2. Bagi setiap sumbangan sebanyak RM100 daripada brokeraj kasar perdagangan asing dalam talian yang terkumpul, Pelanggan Layak berhak mendapat 1x penyertaan cabutan bertuah. Brokeraj kasar perdagangan asing dalam talian yang terkumpul akan dikira pada akhir Tempoh Kempen. Pelanggan Layak dikehendaki menyumbang sekurang-kurangnya RM200, iaitu 2x penyertaan cabutan bertuah untuk layak menyertai cabutan bertuah dan tiada jumlah penyertaan maksimum. Pemenang akan dipilih dengan menggunakan Penjana Rawak (*Randomiser*) yang dibenarkan oleh Maybank.
- 3.3. Hadiah untuk pemenang cabutan bertuah (“**Hadiah**”) dikategorikan berdasarkan jumlah brokeraj kasar perdagangan asing dalam talian yang terkumpul dalam Tempoh Kempen, seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Kategori	Brokeraj Kasar Perdagangan Asing Dalam Talian yang Terkumpul*	Hadiah	Bilangan Pemenang Cabutan Bertuah
Kategori 1	RM200 - RM500	Baucar Beli-belah bernilai RM50	100
Kategori 2	>RM500 - RM1,000	Baucar Beli-belah bernilai RM150	10
Kategori 3	>RM1,000- RM3,000	1x Saham Asing	5
Kategori 4	>RM3,000- RM5,000	2x Saham Asing	3
Kategori 5	>RM5,000	3x Saham Asing	1

**1x penyertaan cabutan bertuah untuk setiap RM100 brokeraj kasar perdagangan asing dalam talian yang terkumpul, dikira pada akhir Tempoh Kempen.*

- 3.4. Setiap pemenang cabutan bertuah (“**Pemenang**”) akan dihubungi melalui e-mel atau oleh wakil Bank dalam tempoh 60 hari selepas Kempen tamat berserta butiran tentang penebusan Hadiah yang dimenangi.
- 3.5. Bagi Pemenang Kategori 1 dan Kategori 2, e-mel yang mengandungi kod baucar untuk penebusan akan dihantar ke alamat e-mel berdaftar mereka.
- 3.6. Bagi Pemenang Kategori 3, Kategori 4, dan Kategori 5, wakil penjual Bank akan membantu pembelian saham asing melalui akaun perdagangan Pemenang. Pemenang akan dihubungi melalui e-mel atau oleh wakil Bank dan Pemenang dikehendaki melengkapkan dokumentasi dan memberikan kebenaran yang diperlukan untuk menyelesaikan proses pembelian saham.
- 3.7. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut:
- Semua Hadiah yang diberikan dan/atau diterima adalah atas risiko penerima sepenuhnya. Bank, ahli gabungannya dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejen mereka masing-masing (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank untuk tujuan Kempen ini) (secara kolektif, “**Wakil**”) tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti berhubung dengan apa-apa kos, perbelanjaan, kerugian dan/atau kerosakan apa-apa pun atau walau bagaimana jua ditanggung atau dialami oleh penerima berkaitan dengan atau yang timbul daripada atau disebabkan oleh penghantaran dan/atau penerimaan Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad, jika e-mel Pelanggan Layak didapati tidak sah).
 - Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai atau kredit dalam apa jua bentuk, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
- 3.8. Bank berhak, pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis terlebih dahulu, menukarkan atau menggantikan mana-mana Hadiah dengan apa-apa produk dan/atau perkhidmatan lain yang sama nilainya. Jika berlaku apa-apa penggantian atau penukaran, Terma dan Syarat ini akan terpakai kepada produk dan/atau perkhidmatan yang diganti atau ditukar tersebut.

4. Terma dan Syarat Am

- 4.1 Bank dan Wakilnya, sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung berhubung dengan apa-apa kerugian, kerosakan atau kos langsung, tidak langsung, istimewa atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau reputasi) yang ditanggung atau dialami oleh mana-mana Pelanggan Layak mengikut apa-apa cara sekalipun akibat penyertaan mereka dalam Kempen ini termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa jenis kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pengurusan dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Powerbroking2u atau Aplikasi Maybank Trade atau mana-mana platform yang dibenarkan oleh Maybank.
- 4.2 Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Powerbroking2u di www.powerbroking2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- 4.3 Bagi mengelakkan kekeliruan, pembatalan, penggantungan, pelanjutan, penamatan atau pengubahsuaian Kempen ini oleh Bank tidak akan sekali-kali menyebabkan Pelanggan Layak atau mana-mana orang lain mempunyai hak untuk membuat apa-apa tuntutan terhadap, atau meminta pampasan daripada Bank untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung sebagai hasil langsung atau tidak langsung daripada pengubahsuaian, penarikan balik, pembatalan, penggantungan, pelanjutan atau penamatan Kempen ini.
- 4.4 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Powerbroking2u di www.powerbroking2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- 4.5 Dengan menyertai Kempen ini, setiap Pelanggan Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan keizinan bagi membolehkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank selaras dengan Pernyataan Privasi Maybank, yang boleh dibaca dengan teliti di www.maybank2u.com.my (“Pernyataan Privasi Maybank”) dan Borang PDPA untuk Pelanggan Individu.
- 4.6 Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:
- a) tujuan Kempen; dan
 - b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. “Aktiviti pemasaran dan promosi” termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini,

Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen. Setiap Pelanggan Layak bersetuju bahawa Bank berhak untuk menerbitkan, menyiarkan, menayangkan, mengedarkan, menggunakan atau mengeluarkan semula hantaran mereka berkaitan dengan Kempen ini dalam media sosial tanpa perlu mendapat kebenaran daripada pelanggan terlebih dahulu. Walau apa pun yang disebut di atas, setiap Pelanggan Layak dengan ini secara nyata membenarkan Bank untuk menerbitkan dan/atau menggunakan gambar dan/atau imej mereka untuk Aktiviti Pemasaran dan Promosi, jika diperlukan.

*Nota: "PDPA" merujuk Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

- 4.7 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kegagalan untuk memenuhi tanggungjawabnya di bawah Kempen ini disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak dan pandemik atau apa-apa jua peristiwa dan keadaan yang berada di luar kawalan munasabah Bank.
- 4.8 Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen. Pengubahan akan merangkumi aktiviti penipuan yang melibatkan apa-apa perbuatan helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berkenaan dengan Kempen dan/atau platform media sosial Bank.
- 4.9 Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi Maybank Equities Helpdesk di 1 300 22 3888 atau sebagai alternatif, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank IB Equities Helpdesk di equities.helpdesk@maybank-ib.com